

Untuk Siaran Segera

Penghawa Dingin Dengan Tenaga 5 Bintang

Nikmati rasa dingin dan penjimatan tenaga dengan ENVIO berasaskan reka bentuk Eco!

Kuala Lumpur, 1 Oktober 2009 – Panasonic Malaysia Sdn Bhd, peneraju dalam produk perkakasan rumah, mengumumkan pengenalan kepada 10 model baru penghawa dingin yang merupakan salah satu produk yang mempunyai lima bintang yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga (Malaysian Energy Commission).

Siri Envio *Inverter* menggunakan teknologi inverter(penyongsang) yang boleh menjimatkan tenaga sebanyak 50% dan dilengkapi dengan beberapa ciri-ciri dari pendinginan cekap dan system pembersih udara. Reka bentuk terbaru penghawa dingin yang unik dan berinspirasi eco, bersesuaian dengan pemilik rumah bijak.

“Penyelidikan telah dijalankan oleh bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Panasonic antara dua model penghawa dingin Panasonic yang mempunyai ukuran kuasa kuda yang serupa, satu dengan teknologi Inverter dan satu lagi tanpa Inverter pada satu jangka masa secara serentak. Pada fasa terakhir penyelidikan, keputusan menunjukkan model teknologi Inverter, mampu menjimatkan tenaga sehingga 50 peratus berbanding dengan model penghawa dingin tanpa Inverter,” terang Tony Endoh, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia.

“Panasonic juga turut mengambil langkah untuk membangunkan produk mesra alam sekitar dengan memilih penghawa dingin yang menggunakan bahan penyejuk R410A mesra ozon di dalam siri Envio Inverter, untuk mengelakkan penipisan ozon yang berlebihan,” tambah Tony Endoh.

“Dengan gabungan teknologi Inverter untuk penjimatan tenaga, system pembersihan udara dan reka bentuk berasaskan Eco, kami ingin member pengguna ‘satu penyelesaian’ yang sesuai untuk setiap suasana dalam sesebuah reka bentuk bilik,” kata Tony Endoh.

“Tenaga boleh dijimatkan dengan pengawalan kemampatan pada putaran kelajuan yang tepat untuk member suhu yang sesuai mengikut perubahan suhu bilik. Untuk meningkatkan penjimatan tenaga tanpa menjejaskan keselesaan pengguna, model Inverter ini dapat menyejukkan suhu bilik dengan cepat. Rasa dingin boleh dinikmati 1.5 kali lebih laju tanpa membazirkan tenaga untuk mencapai suhu yang diinginkan.

Dengan penggabungan kesemua ciri teknologi Inverter, model Envio Inverter bukan sahaja menjimatkan bil elektrik, malah membantu alam sekitar dengan pengurangan pembebasan karbon dioksida. Tambahan pula, model ini mempunyai ‘Mild Dry Cooling’ untuk mengekalkan kelembapan suhu bilik yang diinginkan disamping mengurangkan sakit tekak dan kekeringan kulit untuk memastikan keselesaan pengguna.

“Tiada gunanya jika pengguna dapat menjimatkan tenaga tanpa dapat menikmati udara bersih dan nyaman?” tambah Tony Endoh, “penghawa dingin Inverter Panasonic mempunyai ADVANCED⁺PLUS e-ion Air Purifying System (Sistem Pembersih Udara e-ion) dengan New Patrol Sensor untuk mengawal kualiti udara. Apabila jumlah partikel udara meningkat ke tahap tidak sihat kepada pengguna, system pembersih udara e-ion akan melepaskan e-ion aktif untuk membersihkan kualiti udara tersebut. Envio juga dapat mengumpul 99% daripada partikel udara untuk penapisan cas positif dengan menggunakan aliran kipas yang lebih besar untuk pengaliran dan pembersihan udara yang lebih berkesan untuk udara yang lebih bersih dan sihat. Penanda kecerahan warna pada New Patrol Sensor telah diperbaharui supaya boleh dimalapkan untuk keselesaan pengguna pada waktu malam. Sistem pembersih udara e-ion ADVANCED⁺PLUS, boleh memainkan peranan sebagai kelengkapan penghawa dingin atau pembersih udara secara berasingan atau kedua-dua fungsi secara serentak”.

“Secara menyeluruh, kesemua ciri yang terdapat pada siri Envio terbaru ini membuktikan dedikasi Panasonic terhadap keprihatinan pada para pengguna dan alam sekitar sambil member sokongan terhadap hala tuju syarikat ‘Eco-Driven’. Dengan bertemakan ‘Eco-Ideas’, Panasonic boleh menyediakan jalan penyelesaian kepada para pengguna dengan produk Panasonic yang direka khas dan mesra alam sekitar. Produk Panasonic juga berteknologi tinggi yang membolehkan para pengguna menikmati kehidupan harian tanpa melupakan kepentingan alam sekitar.”

“Memandangkan respon positif dan permintaan pengguna untuk penghawa dingin dengan teknologi Inverter yang sentiasa meningkat, Panasonic telah menyediakan lima model dengan kapasiti kuasa kuda(hp) bermula 1hp,1.5hp, 1.75hp, 2hp, dan 2.5hp. Dengan pilihan sedemikian, pelbagai ruang dengan saiz yang besar atau kecil boleh menjadi dingin secara aktif,” menurut Tony Endoh.

Senarai harga siri Envio Inverter Deluxe:

Model	HP	ASP (RM)
CS-S10JKM-5	1.0	1,289
CS-S13JKM-5	1.5	1,639
CS-S15JKM-5	1.75	2,079
CS-S18JKM-5	2.0	2,489
CS-S24JKM-5	2.5	2,939

Senarai harga siri Inverter Standard:

Model	HP	ASP (RM)
CS-PS9JKM-5	1.0	1,229
CS-PS12JKM-5	1.5	1,559
CS-PS15JKM-5	1.75	1,979
CS-PS18JKM-5	2.0	2,369
CS-PS24JKM-5	2.5	2,799

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Simone Pan
Eksekutif, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 6945966
Emel: simone.pan@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Tong Sai Cheong
Pengurus Produk, Pemasaran HA(1)
Tel: 03-7809 7611 Fax: 03-7809 7766 Mobil : 019 280 8913
Emel: saicheong.tong@my.panasonic.com